

30 JUL 1996

MAHATHIR SARAN SYARIKAT MINYAK BERKONGSI RISIKO

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan agar syarikat-syarikat minyak bekerjasama antara satu dengan lain untuk mengongsi risiko dalam perniagaan.

"Mereka perlu berkongsi risiko dengan berganding bahu dengan syarikat-syarikat minyak lain terutama syarikat-syarikat besar," tambah beliau.

Kesediaan syarikat-syarikat besar menerima syarikat-syarikat minyak kebangsaan yang kecil sebagai rakan kongsi dalam menjalankan usaha sama di negara-negara dunia ketiga adalah suatu langkah yang baik untuk menjamin masa depan industri minyak, jelas beliau ketika merasmikan Persidangan dan Pameran Minyak dan Gas Asia yang pertama di sini.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa syarikat-syarikat minyak kebangsaan perlu meneroka ke luar negara untuk menjamin bekalan pada masa akan datang. Bagaimanapun, dalam hal ini, tambah beliau, mereka tidak sepatutnya mengharapkan perlindungan sepertimana yang diterima di negara sendiri.

"Syarikat-syarikat minyak kebangsaan boleh memberi sumbangan melalui hubungan perniagaan masing-masing dan hubungan yang terjalin antara negara asal dengan negara tuan rumah," kata beliau sambil menambah bahawa syarikat-syarikat minyak kebangsaan bukan saja berguna kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang besar tetapi juga di negara-negara sedang membangun.

Menurut perdana menteri lagi, kekayaan yang diperolehi melalui industri minyak dan gas patut dikongsi secara adil agar ia tidak diambil kesempatan oleh pihak lain.

Tambah beliau: "Kita jangan lupa apa yang dialami oleh negara-negara pengeluar minyak di Timur Tengah akibat perbuatan tersebut.

"Akhirnya mereka yang berjaya mengambil kesempatan daripada kekayaan hasil minyak menaikkan harga berkali ganda dan menyebabkan ekonomi dunia menjadi kelam kabut pada suatu ketika."

Dr Mahathir menyeru industri berkenaan supaya mengkaji dan menjalankan penyelidikan dan pembangunan mengenai cara-cara untuk menggunakan tenaga secara lebih cekap dan mengenal pasti sumber bahan api dan tenaga baru terutama yang boleh diperbaharui sumbernya.

Beliau menyelar sesetengah kumpulan yang cuba menghalang usaha-usaha membangunkan sumber tenaga yang boleh diperbaharui di Asia.

"... usaha memanfaatkan sumber tenaga yang boleh diperbaharui secara hemat terutama tenaga hidro patut digalakkan dan diberi subsidi oleh negara-negara Barat agar bahan api fosil dapat dipulihara untuk sama-sama mereka kongsi pada masa depan," tegas beliau.

Pertumbuhan dan kekayaan yang semakin meningkat di Asia Timur termasuk negar-negara Asia Tenggara akan mengubah pola perdagangan dan pengagihan bahan-bahan mentah untuk kegunaan seluruh dunia, tambah beliau.

Tegas Dr Mahathir: "Perkara ini tidak dapat dielak. Sekiranya penduduk Asia menjadi pengguna yang banyak membazir sepertimana pengguna di Eropah dan Amerika, permintaan bagi bahan-bahan mentah asas akan melebihi bekalan.

"Andai kata semua negara Asia mempunyai pendapatan per kapita yang sama kadarnya dengan yang terdapat di negar-negara Barat, penggunaan petroleum mungkin akan menjadikan semua telaga minyak di dunia kering dalam tempoh yang sangat singkat."

Terdahulu, pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata arah

aliran baru kini sudah muncul dan membawa kepada bertambahnya permintaan bagi produk petroleum.

Oleh yang demikian, ia memerlukan perhatian segera dan tindak balas yang sewajarnya daripada industri petroleum.

Sungguhpun perspektif jangka pendek dipengaruhi oleh kebimbangan mengenai lebih bekalan, namun daripada segi jangka panjang, industri berkenaan terpaksa bergelut dengan masalah peningkatan permintaan untuk mendapatkan tenaga di negara-negara industri, tambah beliau.

"Keupayaan tambahan diperlukan untuk memenuhi permintaan yang meningkat dengan banyaknya. Kemampuan ini hanya boleh dicapai melalui penambahan modal yang besar - sesuatu yang tidak mudah dibuat dalam suasana harga dan senario kos yang ada sekarang," jelas beliau.

Persidangan tiga hari itu yang akan menyorot keadaan semasa dan meramalkan arah aliran masa depan industri minyak dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dengan tajaan bersama Conference Connection Inc dan Petronas. -- BERNAMA

DVS DIN/sia